



JEMPUTAN MEDIA

PROGRAM : MAJLIS PERASMIAN *MINI SYMPOSIUM ON ISLAMIC TOURISM 2017*
TARIKH : 13 APRIL 2017/ 16 REJAB 1438
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : MINI AUDITORIUM, PUSAT PELANCONGAN MALAYSIA (MATIC), NO. 109, JALAN AMPANG, 50450 KUALA LUMPUR

Islamic Tourism Centre (ITC), sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Malaysia buat julung kalinya akan menganjurkan ***Mini Symposium on Islamic Tourism 2017*** bermula dari **13 hingga 14 April 2017**. Simposium ini telah menerima pengesahan lapan (8) pembentang kertas penyelidikan di peringkat Ijazah Sarjana dan Ph.D dari universiti-universiti tempatan.

Simposium ini dianjurkan dengan tujuan mewujudkan satu platform untuk para penyelidik dan penggiat industri membincangkan isu-isu berkenaan pelancongan Islam. Pelancongan Islam atau pelancongan Mesra-Muslim (*Muslim-friendly Tourism (MFT)*) merupakan satu segmen dalam industri pelancongan yang semakin mendapat perhatian.

Sebagai salah satu negara peneraju segmen MFT, **Malaysia sekali lagi mengungguli tempat pertama sebagai destinasi pilihan pelancong Muslim di dalam laporan *Global Muslim Travel Index (GMTI)* bagi tahun 2016, untuk enam tahun berturut-turut**. Berdasarkan laporan GMTI yang dikeluarkan oleh *Crescentrating dan Mastercard*, **Malaysia diiktiraf sebagai destinasi pilihan pelancong Muslim berdasarkan ciri-ciri utama yang dinilai seperti keselamatan pelancong, pilihan produk MFT serta kesedaran halal yang tinggi**. Melihat potensi MFT dari segi sumbangan ekonomi dan pengembangan pasaran untuk industri pelancongan, segmen MFT telah menarik minat negara bukan Islam untuk melibatkan diri dalam

pelancongan Islam dan MFT. Ini dapat dilihat melalui promosi yang dijalankan oleh negara seperti Jepun, Taiwan dan Korea untuk menarik pelancong Muslim ke negara mereka.

Mini Symposium on Islamic Tourism 2017 akan dirasmikan oleh **YB Datuk Mas Ermieyati Samsudin, Timbalan Menteri Pelancongan, Malaysia** di **Mini Auditorium, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)** pada **13 April 2017, jam 9.30 pagi**.

ITC dengan sukacita menjemput wakil media ke majlis perasmian dan untuk turut serta di dalam simposium tersebut.

Dikeluarkan oleh: Islamic Tourism Centre (ITC)

Tarikh: 4 April 2017

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Siti Sarah Hussin / Nadhirah Aripin di
Tel: 03-8891 7177/ 019- 3560 530 atau emel sitisarah@itc.gov.my / nadhirah@itc.gov.my